



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA
[*Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)*]
ARAS 4, MENARA 4G1, WISMA TANI
NO . 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62624 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 03-8000 8000 / 03-8870 1000

Faks : 03-8888 6904 / 03-8888 4855

Portal : [http :// www.maqis.gov.my](http://www.maqis.gov.my)

Ruj. Kami : KP/MAQIS/193/2 Jld. 2 (27)
Tarikh : 2 Januari 2018

Semua Pengarah MAQIS Negeri
Semua Ketua Pintu Masuk MAQIS

Tuan/Puan,

**PROSEDUR IMPORT KUCING DAN ANJING DARI SABAH DAN SARAWAK
YANG DIBAWA MASUK KE SEMENANJUNG MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa prosedur import kucing dan anjing dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia **TIDAK** memerlukan Permit Import daripada MAQIS berdasarkan Peruntukan Akta 728 di bawah Jadual Pertama (Seksyen 3) yang menyatakan Sabah dan Sarawak sebagai salah satu komponen pintu masuk Malaysia.

3. Walaubagaimanapun, pegawai MAQIS di pintu masuk hendaklah memastikan dokumen berikut lengkap ketika kemasukan anjing dan kucing:

- a) Sijil Kesihatan Veterinar
- b) Pasport Haiwan
- c) Rekod Suntikan
- d) Permit Eskport Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah/Sarawak

4. Memandangkan kejadian wabak "rabies" di **Sarawak**, surat kelulusan dari MAQIS Ibu Pejabat adalah diperlukan sebagai dokumen tambahan untuk kemasukan kucing dan anjing.

5. Segala penahanan yang disebabkan oleh ketiadaan Permit Import hendaklah dihentikan.

s.k Semua Pengarah Bahagian MAQIS

Ruj. Kami : KP/MAQIS/193/2 Jld. 2 (27)
Tarikh : 2 Januari 2018

6. Segala kerjasama Tuan/Puan berkenaan perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ribuan ucapan terima kasih.

Sekian,

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(CHE AN BINTI MOHD JONED)

Timbalan Ketua Pengarah

b/p Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

Putrajaya